



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

RMKe-12 TAHUN 2025: MEMPERKASAKAN POLYCC DIGITAL

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah menerima peruntukan pembangunan RMKe-12 bermula dari RP1, RP2, RP4 dan RP5. RMKe-12 telah berjaya memberi impak yang besar dalam merealisasikan agenda pendigitalan negara dalam memperkasakan POLYCC Digital.

Bermula dengan RP1 peruntukan sebanyak RM3.5 juta telah dimanfaatkan bagi Pembangunan Digital Library POLYCC yang telah memberi manfaat kepada 142 institusi. Projek ini merupakan inisiatif JPPKK dalam mewujudkan ekosistem perpustakaan secara maya untuk menyediakan capaian kepada bahan-bahan pembacaan digital seperti ebook, video pembelajaran dan eJournal. Projek ini juga dilengkapi dengan sistem perpustakaan bersepadu KOHA.

Peruntukan RP2 pula adalah sebanyak RM20 juta, sebahagian peralatan usang Sistem Rangkaian Kampus bagi 33 buah politeknik telah dilaksanakan secara tidak berstruktur dan gantian kepada peralatan yang rosak sahaja. Projek ini akan selesai sepenuhnya pada 2025.

Peruntukan bagi RP4 pula adalah dilihat sebagai *turning point* untuk JPPKK memberi fokus kepada projek perluasan wifi bagi fasa pertama yang telah memberi manfaat kepada tujuh (7) politeknik dengan kos keseluruhan RM9 juta dan tempoh perlaksanaan adalah selama dua (2) tahun serta dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2025. Apabila projek ini siap, peratusan capaian wifi akan meningkat kepada 68 peratus. Selain dari itu melalui peruntukan RP4 juga, JPPKK telah menerima sebanyak RM5 juta untuk Pembangunan semula aplikasi SPMP versi 2.0.

Seterusnya, dalam RP5 kesinambungan perluasan WIFI Fasa 2 telah dimasukkan sebagai agenda utama JPPKK. Kos keseluruhan sebanyak RM15.6 juta telah di peruntukan dan akan memberi manfaat kepada sembilan (9) buah politeknik. Projek ini dijangka siap pada 2026. Apabila projek fasa ini selesai, maka capaian WIFI Politeknik akan meningkat kepada 83.6 peratus secara keseluruhan. Peruntukan RP5 ini juga akan melibatkan projek gantian usang di 16 Kolej Komuniti dengan kos keseluruhan sebanyak RM4.5 juta yang akan dilaksanakan dan dijangka siap pada tahun 2025.

Bagi mencapai capaian liputan WIFI 100 peratus dalam kampus pada tahun 2025, POLYCC telah dimasukkan dalam senarai projek perluasan Wifi oleh MCMC dalam Fasa 2 yang sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada Jun 2025. Keberhasilan dari peruntukan RP4 dan RP5 dalam projek perluasan WIFI dan digabungkan dengan peruntukan perluasan WIFI oleh MCMC maka kampus POLYCC akan mempunyai capaian WIFI 100 peratus pada sekitar Jun dan Julai 2025. Ini merupakan salah satu **Program Signature** dalam Fokus 7 Halatuju Pendidikan Tinggi Malaysia Tahun 2025.

Majlis Penyerahan Surat Pemakluman Projek ICT RMKe-12 yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Dr. Hj. Mohd Zahari bin Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (KPPK) semasa di Politeknik Kota Bharu ini adalah hasil usaha gigih pelbagai pihak. Ini merupakan simbolik kepada perlaksanaan projek dan perlu disiapkan untuk tempoh masa yang telah ditetapkan. Keberhasilan projek ini dilihat akan memberi manfaat kepada 100,000 orang pelajar POLYCC dan komuniti setempat pada masa akan datang.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
20 APRIL 2025**
